

# Kabinet bermesyuarat hari ini

UM- 5/12/2022 m/s. 6

Oleh OMAR ZIN  
omar.zin@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Seramai 28 jemaah menteri memulakan tugas hari ini dengan agenda pertama adalah mesyuarat khas Kabinet yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ini kali pertama mesyuarat Kabinet baharu diadakan sejak barisan jemaah menteri diumumkan Jumaat lalu, sebelum mengangkat sumpah menteri di Istana Negara, kelmarin.

Anwar sebelum ini memaklumkan, mesyuarat itu akan menetapkan beberapa peratu-

ran baharu yang perlu dipatuhi oleh semua jemaah menteri.

Antaranya cara mengurus kementerian, cara mendampingi dan bekerjasama dengan penjawat awam, penetapan cara untuk ahli jemaah menteri membuat pengumuman berkaitan dasar serta cara berbelanja agar tidak melebihi kadar sepatutnya.

Ini setelah pelantikan beberapa menteri baharu mengundang reaksi berbeza daripada pelbagai pihak, malah dikritik hebat oleh pihak pembangkang terutama Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Presiden Pas, Tan Sri

Abdul Hadi Awang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menjelaskan, beliau terbuka dengan sebarang kritikan daripada mana-mana pihak termasuk pembangkang, namun hanya mahu fokus dengan tugasnya sebagai menteri.

“Apa yang penting adalah kita buat untuk rakyat. Pelantikan Kabinet ini adalah satu amanah dan kita akan buat sehabis baik,” katanya ketika dihubungi.

Ini kali kedua Mohamed Khaled menggalas tugas sebagai Menteri Pendidikan Tinggi selepas kali terakhir memegang

jawatan tersebut pada 2008 hingga 2013 di bawah dua Perdana Menteri iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pada itu, Menteri Komunikasi Digital, Fahmi Fadzil berkata, terdapat beberapa perkara yang menjadi keutamaan beliau antaranya soal akses internet 5G, capaian di luar bandar, keselamatan data peribadi dan jenayah penipuan dalam talian.

“Yang saya paling risau sebenarnya ialah masalah *scammer*, perlindungan data peribadi dan isu penyebaran berita palsu terutama di media sosial,” ujarnya.



**BARISAN** Kabinet baharu bersama Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selepas istiadat angkat sumpah menteri di Istana Negara, semalam.